

TARIKH: 21/12/23
SURAT KHBAR: Sinar Harian.
MUKA SURAT: 19

PERKESO selesai salur RM325 juta bayaran faedah berkala

SHAH ALAM - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) selesai menyalurkan bayaran faedah berkala sebanyak RM325 juta kepada 573,000 penerima bermula Selasa.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, pembayaran tersebut turut merangkumi pencen iaitu faedah orang tanggungan, pencen penakat dan faedah hilang upaya kekal.

"Setakat ini perkembangan

pembayaran jangka panjang bagi semua faedah berkenaan masih menepati jadual yang ditetapkan.

"Bayaran faedah berkala ini penting sebagai talian hayat kepada anak yatim, ibu tunggal dan individu terlibat dengan bencana ketika bekerja di seluruh negara," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Pada 2 Disember lalu, PERKESO memberi jaminan sis-



MOHAMMED AZMAN

tem, pangkalan maklumat dan laman sesawang agensi itu yang diserang penggodam tidak akan menamatkan khidmat kepada pencarum, majikan serta orang ramai.

Pertubuhan itu memaklumkan segala pembayaran faedah, pampasan dan pencen iaitu ke- pada pencarum serta waris terlibat akan tetap dilaksanakan mengikut tempoh yang diper-

untukkan.

Susulan insiden itu, kerajaan sedang memperkuatkan keselamatan siber di negara ini bagi mengelak berlakunya insiden serangan siber.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Majlis Keselamatan Negara (MKN) bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menyalurkan kerjasama dengan syarikat yang mempunyai kepuyaan untuk mengekang kejadian itu daripada terus berlaku pada masa hadapan.

Mengulas lanjut, Mohammed

Azman berkata, rentetan serangan siber yang berlaku sebelum ini, mereka akan memastikan kehidupan pencarum dan waris tidak terjejas.

Jelasnya, semua sistem dan teras agensi itu sudah beroperasi seperti sediakala dengan langkah penambahan langka untuk memperbaiki khusunya dari segi aspek keselamatan.

"Ini adalah tanggungjawab yang diutamakan oleh PERKESO bagi memastikan kelangsungan hidup pencarum dan waris tidak terjejas," ujarnya.